



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pelayan bar rugi RM11,450 selepas jadi mangsa 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Date: 23 May 2020

Section: Tempatan

Page: 1

PELAYAN BAR RUGI RM11,450 SELEPAS JADI MANGSA 'MACAU SCAM'



SIBU: Seorang pelayan bar kerugian RM11,450 selepas diperdayakan oleh seorang pemanggil daripada sindiket 'Macau Scam' yang menyamar sebagai pegawai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada 21 Mei lalu. Mangsa berusia 28 tahun itu dihubungi seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai 'pegawai LHDN' memaklumkan pengadu

mempunyai tunggakan cukai sebuah syarikat di Kuantan, Pahang berjumlah RM138,600.90. Ketua Polis Daerah Sibu ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, apabila pengadu menafikan perkara itu, suspek telah menyatakan kemungkinan namanya telah disalahgunakan. "Pengadu kemudian diminta untuk menghubungi IPK Pahang melalui nombor telefon yang telah diberi oleh suspek. "Panggilan pengadu telah dijawab oleh 'Sarjan Idi' di mana

dia membuat laporan mengenai kad pengenalnya telah digunakan oleh seseorang untuk membuka sebuah syarikat di Semenanjung Malaysia," katanya dalam satu kenyataan semalam. Mangsa kemudian diminta untuk menghubungi Bank Negara kononnya untuk mengelakkan namanya diisytihar mufis. "Susulan itu, pengadu bercakap dengan seorang 'pegawai Bank Negara' dikenali sebagai 'Justine Filip' yang mengesahkan namanya telah terlibat dalam

tunggakan cukai itu," kata Stanley. Katanya, pengadu kemudian diminta untuk menyerahkan nama pengguna dan kata laluan akaun bank miliknya untuk tujuan melindungi dan membersihkan namanya. Pada hari sama, pengadu telah mendedahkan nama pengguna dan kata laluan termasuk dua nombor TAC (Kod Kebenaran Transaksi) kepada 'Justine Filip' bagi tujuan semakan lanjut. Menurut beliau, mangsa telah menerima mesej dari sebuah

bank menyatakan terdapat dua transaksi pengeluaran wang dari akaun bank pengadu yang dipindahkan ke akaun lain. "Pengadu yang berasa curiga, cuba menghubungi 'Sarjan Idi' namun panggilan itu tidak dijawab," katanya. Pengadu kemudian membuat laporan polis berhubung kes tersebut pada Khamis lalu. "Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.